

**UCAPAN
YANG BERUSAHA EN. HAMZAH BIN MOHAMAD
PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
(MOU) DALAM PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN ALAM
SEKITAR**

ANTARA

**JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) NEGERI SARAWAK DENGAN
HGST MALAYSIA SDN BHD**

15 JANUARI 2020

- 1. Yang Berusaha En. Chok Siong See,
Pengarah Kanan HGST Malaysia Sdn Bhd**
- 2. Yang Berusaha En. Ahmad Saifful bin Salihin
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Alam Sekitar Negeri
Sarawak**
- 3. Pengurus-Pengurus dan kakitangan HGST Malaysia Sdn Bhd**
- 4. Pegawai-Pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak**
- 5. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izinNya kita dapat bersama-sama di Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Dalam Pelaksanaan Program Kesedaran Alam Sekitar antara Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dengan HGST Malaysia Sdn Bhd.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak HGST Malaysia Sdn Bhd di atas kesudian dan kerjasama di dalam penganjuran Majlis ini.
3. Saya berasa sangat bertuah kerana pada hari ini, JAS sekali lagi secara rasminya akan melebarkan lagi jaringan kerjasama dalam melaksanakan aktiviti – aktiviti kesedaran alam sekitar.
4. Untuk makluman hadirin sekalian, JAS Negeri Sarawak telah menjalin hubungan kerjasama pintar (*smart and strategic partnership*) menerusi MOU dan sijil kolaborasi dalam pelaksanaan program kesedaran alam sekitar sebagai salah satu langkah proaktif bagi menangani isu-isu alam sekitar di Negeri Sarawak.
5. Tahniah dan JAS amat menghargai HGST Malaysia Sdn Bhd di atas kesudian menjalin hubungan kerjasama pintar ini. Dengan termeterainya perjanjian kerjasama strategik antara JAS Sarawak dengan HGST Malaysia Sdn Bhd pada hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan 14 organisasi/ syarikat di Negeri Sarawak menandatangani MOU dan sijil kerjasama dengan JAS Negeri Sarawak.

Hadirin sekalian,

6. Selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan iaitu *Engaging The Industry Program - Environmental Sustainability Manager*, JAS telah mengambil pendekatan dengan menjalinkan kerjasama pintar (*smart and strategic partnership*) dengan pihak industri, Institut Pengajian Tinggi, Institut Pendidikan/ Latihan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan-pertubuhan lain dalam menjalankan aktiviti kesedaran alam sekitar.

7. Di peringkat Negeri Sarawak, sesi *engagement* dan *consultation* telah dilaksanakan dengan semua pihak berkepentingan dan antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah Program *Estecc Education In Schools*, Program Enviro Run dan Aerobathon, Program Kesedaran Alam Sekitar Bersama Murid-Murid Tabika, Program Pengumpulan Sisa Elektrik Dan Elektronik Isi Rumah, Kem Kesedaran Alam Sekitar, Enviro Ride, Ceramah, Kuiz Alam Sekitar, penanaman pokok, pameran, aktiviti hands-on, permainan, kempen hindari plastik sekali guna, gotong-royong pembersihan pantai dan program-program alam sekitar yang lain. Insya Allah lebih banyak lagi program - program sedemikian akan dapat dijalankan dengan kerjasama semua pihak dengan pendekatan *smart and strategic partnership* ini bersempena dengan sambutan-sambutan berkaitan alam sekitar seperti Sambutan Hari Bumi, Hari Alam Sekitar Sedunia, Hari Ozon Sedunia dan Hari Alam Sekitar Negara.

8. Saya juga berharap pihak HGST Malaysia Sdn Bhd akan menjalankan kolaborasi program kesedaran alam sekitar bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak pada tahun ini dan tahun-tahun yang kan datang.

Hadirin sekalian,

9. Akhir kata, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada HGST Malaysia Sdn Bhd di atas kesudian untuk menjalankan kerjasama korporat bersama JAS. Tahniah dan syabas di atas usaha dan komitmen yang telah ditunjukkan. Saya berharap kita semua akan terus memperjuangkan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar di Malaysia dan kerjasama strategik seperti ini akan menjadi medan utama dalam memberikan manfaat kepada semua pihak khususnya di Negeri Sarawak.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.